 - e) Upon cancellation of certificate of takaful; or
 - f) Upon termination of the financing facility or when person covered ceases to be a client of the master contract holder before the expiration of the term of the certificate for any reason.

However, in the event of Clause 3.1(f) above, the person covered has the option to continue the takaful coverage until the end of certificate term stated in the certificate of takaful by giving a written notification to us.

ANNEXURE MRTT007

Benefit conditions – Total and permanent disability (TPD) benefit

1. Total and permanent disability (TPD) benefit

- 1.1 This benefit applies only if the person covered suffers from TPD as defined under annexure MRTT002, while the certificate of takaful is in force, and the TPD begins on or after the certificate commencement date.
- 1.2 Subject to the general conditions, while the certificate of takaful is in force and before the monthly anniversary date immediately after the person covered attaining age 65, we receive satisfactory proof that the person covered has suffered from TPD and approve the claim, we will pay the total of the following:
 - a) The sum at risk for TPD benefit on the date the TPD begins, from participants' tabarru' fund; and
 - b) The value of the participant's account on the date the TPD begins.
- 1.3 We will deduct any amount you owe us.
- 1.4 If the reducing sum covered for TPD benefit is less than the reducing sum covered for death benefit, at the date the TPD begins, the TPD benefit payable will be limited to the reducing sum covered for TPD benefit.
- 1.5 The maximum aggregate amount for TPD benefit payable on each person covered under this and all other individual and group contracts or certificates issued by us shall not exceed RM2,000,000.
- 1.6 In the event the amount of TPD benefit payable is less than the reducing sum covered for death benefit, on the date the TPD begins, the takaful coverage on death benefit will continue. The reducing sum covered for death benefit for all future durations will be reduced by the ratio that the TPD benefit payable bears to the reducing sum covered for death benefit on the date the TPD begins. This will take effect from the date the TPD begins.
- 1.7 If the person covered dies before the TPD benefit is paid, the death benefit will be paid upon receipt of complete documents, and the TPD benefit will not be payable. The certificate will then terminate.

2. Exclusions

- 2.1 We will not pay the benefit if the TPD resulted directly or indirectly from, or as a result of the following:
 - a) Strike, riot, civil commotion, rebellion, war (whether declared or not);
 - b) An incident that occurred while being under the influence of intoxicating liquor, intoxicating substance, any narcotic or drug;
 - c) Attempted suicide (whether sane or insane), immorality or intentional self-injury (whether sane or insane);

- d) Entering, operating or servicing, ascending or descending from or with any aerial device or conveyance except while the person covered is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular schedule passenger trip over its established passenger route;
- e) Involvement in a breach of criminal law (unless as an innocent party) or membership of any illegal organisation;
- f) Acquired Immuno-deficiency Syndrome (AIDS) or related complexes/conditions; or
- g) A pre-existing condition within 12 months from the certificate commencement date.

3. Notice of claim

3.1 We must receive written notice of claim:

- a) at our head office;
- b) during the person covered's lifetime;
- c) during the person covered's disability; and
- d) within 30 days of the start of the disability.

4. Proof of disability

- 4.1 The claimant must give us proof of TPD before we will consider this claim. The claimant must pay any costs involved in this.
- 4.2 We will not consider any disability which last less than 6 months.
- 4.3 We may ask for proof that the TPD is total and permanent. We may do this at reasonable intervals.
- 4.4 As part of giving us proof, we may need the person covered to be examined by our medical examiners. We will pay for this medical examination. We will tell the person covered if this is needed.

5. Termination of coverage

5.1 This benefit will end at the earliest of the following circumstances:

- a) On the date we approve and pay this benefit, if it is equal to reducing sum covered for death benefit. In case where TPD benefit payable is less than the reducing sum covered for death benefit, the certificate of takaful will not be terminated but death coverage will continue;
- b) Upon death of person covered;
- c) At the end of certificate term date as shown in the certificate of takaful;

- d) Upon surrender of certificate of takaful;
- e) Upon cancellation of certificate of takaful;
- f) Upon certificate monthly anniversary immediately after the person covered's attainment of age 65; or
- g) Upon termination of the financing facility or when person covered ceases to be a client of the master contract holder before the expiration of the term of the certificate for any reason.

However, in the event of g), the person covered has the option to continue the takaful coverage until the end of certificate term stated in the certificate of takaful by written notification to us.

ANNEXURE MRTT008

Benefit conditions – Final benefit

1. Final benefit

- 1.1 Subject to the general conditions and while the certificate of takaful is in force, if the person covered survives till the end of the certificate term as stated in the certificate of takaful, we will pay the value of participant's account, if any.
- 1.2 If the amount is equal to or less than RM10, clause 12 under annexure MRTT003 would then apply.
- 1.3 When the certificate expired, we will have no legal responsibility under the certificate.

ANNEXURE MRTT009

Appendix – Schedule of wakalah fees, charges and sharing any surplus

1. Wakalah fee

- 1.1 Please refer to certificate of takaful.

2. Surrender charge

- 2.1 The surrender charge will be RM50 or the value of participant's account, whichever is lesser.

3. Stamp duty

- 3.1 The stamp duty of RM10 will be borne by us.

4. Sharing the surplus from participants' tabarru' fund

- 4.1 Yearly surplus from participants' tabarru' fund declared will be shared as follows:

All eligible person covered	-	50% of the surplus
Us	-	50% of the surplus

- 4.2 Person covered is entitled to the distributable surplus, if any, provided that the certificate of takaful is not lapsed and is not surrendered prior to the financial year end. If the person covered is entitled to the distributable surplus but the certificate of takaful is terminated under clause 14 of annexure MRTT003 as at the surplus distribution date, clause 12 under annexure MRTT003 would then apply.

5. Sharing the investment profit from participant's account

- 5.1 Investment profit from participant's account will be shared as follows:

Person covered (payable to participant's account)	-	90% of the investment profit
Us	-	10% of the investment profit

- 5.2 Person covered is entitled to the investment profit, if any, provided that the certificate of takaful is not lapsed and is not surrendered prior to the financial year end. If the person covered is entitled to the investment profit but the certificate of takaful is terminated under clause 14 of annexure MRTT003 as at the profit distribution date, clause 12 under annexure MRTT003 would then apply.

ANNEXURE MRTT010

Appendix – Formula for reducing sum covered

1. Formula for reducing sum covered

The reducing sum covered (RSC) is calculated based on the following formula:

$$RSC_t = ISC \quad \text{for } t = 0, 1, 2, \dots, 12 \times dp$$

$$RSC_t = \frac{1 - v^{(12 \times n) - (t-1)}}{1 - v^{(12 \times pp)}} \times ISC \quad \text{for } p > 0; \text{ and}$$

$$\text{for } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

$$RSC_t = \frac{(12 \times n) - t}{12 \times pp} \times ISC \quad \text{for } p = 0; \text{ and}$$

$$\text{for } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

Where,

ISC = initial sum covered

$$v = \frac{1}{1 + \frac{p}{12}}$$

p = profit rate

dp = deferment period

pp = repayment period

n = $dp + pp$

t = Duration in months – measured from the certificate commencement date



SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL BERHAD

KONTRAK INDUK

**GROUP MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL
(MRTT)**

LAMPIRAN MRTT001

Pengenalan

Tujuan

Pelan takaful ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful kepada orang yang dilindungi sejajar dengan prinsip-prinsip di bawah dan akan diurus selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ditunjukkan di bawah pelan ini.

Prinsip-prinsip asas

- | | |
|----------------|---|
| Pertama | Kami akan menguruskan pelan takaful ini sejajar dengan prinsip Wakalah dan prinsip Shariah lain yang berkenaan. |
| Kedua | Anda dan orang yang dilindungi mestilah bersetuju untuk kami mengumpul sumbangan. Anda dan orang yang dilindungi bersetuju untuk melantik Sun Life Malaysia Takaful Berhad untuk menguruskan pelan takaful ini bagi pihak anda dan orang yang dilindungi. Sebagai balasan, anda dan orang yang dilindungi membenarkan kami menolak jumlah tertentu sebagai yuran Wakalah. |
| Ketiga | Jawatankuasa Shariah kami akan memastikan operasi kami mematuhi Shariah pada setiap masa. Orang yang dilindungi bersetuju bahawa sebahagian daripada sumbangan akan diperuntukkan sebagai tabarru' (sumbangan sukarela) ke dalam dana tabarru' peserta untuk perlindungan takaful dan untuk bantuan kewangan bersama kepada peserta yang lain sekiranya berlaku musibah. |

LAMPIRAN MRTT003

Peruntukan am

1. Takrifan

- 1.1 Di dalam kontrak ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnyanya:
- a) **Ulangtahun sijil** bermaksud ulangtahun setiap tahun tarikh permulaan sijil.
 - b) **Tarikh permulaan sijil** bermaksud tarikh sijil bermula seperti yang tertera di dalam sijil takaful. Tarikh ini adalah tarikh yang mana perlindungan bermula.
 - c) **Sijil takaful** bermaksud sijil individu yang dikeluarkan kepada setiap orang yang dilindungi sebagai bukti perlindungan.
 - d) **Pengendorsan** bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas kontrak dan sijil takaful.
 - e) **Orang yang dilindungi** bermaksud seseorang yang dilindungi sebagaimana yang dinamakan dalam sijil takaful.
 - f) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud di dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh permohonan ditandatangani, di mana:
 - i) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima;
 - ii) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - iii) kewujudannya telah diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada atau tidakrawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis didapatkan atau diterima.
 - g) **Akaun peserta** bermaksud dana pegangan bagi sumbangan, tolak yuran wakalah di bawah pelan ini, diuruskan sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
 - h) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' akan dikreditkan ke dalam, sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
 - i) **Kepentingan takaful yang dibenarkan** bermaksud kepentingan ekonomi atau kewangan pemegang kontrak induk dalam perlindungan pelanggan yang ada keterhutangan kepada pemegang kontrak induk melalui skim pembiayaan yang disediakan oleh pemegang kontrak induk.
 - j) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.

- k) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi. Kami akan menentukan jumlah tersebut berdasarkan formula yang dinyatakan dalam Lampiran MRTT010.
- l) **Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku TPD ke atas orang yang dilindungi. Ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian atau jumlah permulaan TPD yang dilindungi (seperti yang tertera di dalam sijil takaful), yang mana lebih rendah.
- m) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- n) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang dibentuk oleh kami untuk memberi nasihat operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Syariah.
- o) **Jumlah berisiko untuk manfaat kematian** adalah perbezaan di antara jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian dan nilai akaun peserta. Jika nilai akaun peserta adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, jumlah berisiko untuk manfaat kematian akan menjadi sifar.
- p) **Jumlah berisiko untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** adalah jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD atau jumlah berisiko untuk manfaat kematian, yang mana lebih rendah.
- q) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud seperti yang dinyatakan berikut:

Untuk orang yang dilindungi yang bekerja atau mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun, bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka telah hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka tidak mampu secara menyeluruh dan kekal untuk melakukan tugas, pekerjaan atau profesion yang mana mereka telah dilatih atau layak untuk melakukan berdasarkan latihan, pendidikan atau pengalaman mereka. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan sekurang-kurangnya selama 6 bulan berturut-turut.

Untuk orang yang dilindungi yang tidak bekerja atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri

Jika orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun, dan tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah ketika mengalami hilang upaya, kami mempertimbangkan TPD sebagai tidak mampu untuk menjalani sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (seperti yang dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya ini mestilah berlanjutan sekurang-kurangnya selama 6 bulan berturut-turut:

- a) Pemindahan – Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- b) Pergerakan – Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- c) Perihal mengawal – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;

- d) Pemakaian – Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- e) Mandi/Membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau
- f) Makan – Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

TPD untuk klausa ini juga merangkumi yang berikut:

- a) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua mata;
- b) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan;
- c) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 belah mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan; atau
- d) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

2 daripada pemeriksa perubatan yang dilantik oleh kami mestilah berpuas hati bahawa hilang upaya orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD.

- r) **Nilai akaun peserta** bermaksud nilai di dalam akaun peserta yang ditentukan sebagai sumbangan untuk orang yang dilindungi, tolak sebarang yuran wakalah, ditambah atau dikurang oleh sebarang keuntungan atau kerugian pelaburan yang diperuntukkan daripada akaun peserta, dan lebihan yang diperuntukkan daripada dana tabarru' peserta, tolak sebarang potongan tabarru'.
- s) **Wakalah** bermaksud kontrak di mana pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.
- t) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
- u) **Anda atau pemegang kontrak induk** bermaksud Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad.

2. Interpretasi

2.1 Di dalam kontrak ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- a) tajuk di dalam kontrak ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya.
- b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya.
- c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

- 2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam kontrak ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan lain.

3. Kontrak induk

- 3.1 Kontrak ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan borang permohonan orang yang dilindungi dan pembayaran sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful dan adalah bergantung kepada:

a) jawapan yang diberikan oleh orang yang dilindungi dalam borang permohonan atau sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan permohonan dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh orang yang dilindungi di antara waktu pengemukakan permohonan dan waktu sijil takaful dibuat; dan

b) laporan perubatan dan apa-apa laporan dan soal selidik yang lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai 'maklumat penting')

dan maklumat penting tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak induk antara kami dan anda dan/atau orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prakontrak yang berkaitan dengan maklumat penting telah dibuat, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan.

- 3.2 Jika kami memerlukan orang yang dilindungi, sebelum sijil takaful berubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika dia dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil takaful yang sebelum ini dia dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 3.3 Orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil takaful ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas orang yang dilindungi mengemukakan permohonan bagi perubahan tetapi sebelum sijil takaful diubah.

4. Kelayakan

- 4.1 Orang yang layak untuk kontrak ini adalah pemohon pembiayaan hartanah bagi pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.
- 4.2 Ahli-ahli yang layak bagi pemegang kontrak induk perlu melengkapkan borang permohonan yang akan dikemukakan kepada kami. Kami boleh menerima atau menolak sebarang permohonan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan.

5. Bukti kepentingan takaful yang dibenarkan

- 5.1 Kami memerlukan bukti kepentingan takaful yang dibenarkan yang memuaskan di antara pelanggan dan pemegang kontrak induk yang telah memberikan kemudahan pembiayaan sebelum pelanggan diterima untuk perlindungan takaful.
- 5.2 Jika pemegang kontrak tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan terhadap orang yang dilindungi, semua hak-hak dan keistimewaan perlindungan takaful akan dipindahkan kepada orang yang dilindungi secara automatik.

6. Tempoh perlindungan

- 6.1 Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh permulaan sijil seperti yang tertera dalam sijil takaful.

7. Tempoh semakan percuma

- 7.1 Sekiranya orang yang dilindungi membuat keputusan supaya tidak mengambil perlindungan takaful atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, orang yang dilindungi boleh mengembalikan sijil takaful kepada kami untuk pembatalan dengan memberikan notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil takaful.
- 7.2 Kami akan membayar balik sumbangan yang dibayar tanpa faedah ditolak sebarang perbelanjaan yang telah kami bayar untuk pemeriksaan perubahan.

8. Salah nyata umur dan/atau jantina

- 8.1 Sijil ini dikeluarkan mengikut umur dan jantina orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang diakui dalam borang permohonan. Kami memerlukan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 8.2 Jika umur dan/atau jantina orang yang dilindungi telah tersalah nyata dan adalah dalam had penerimaan kami, kami akan membuat satu daripada penyelarasan yang berikut:
 - a) Jika sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina orang yang dilindungi yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, manfaat mungkin dibayar secara pro rata berdasarkan nisbah sumbangan sebenar dibayar dengan caruman yang betul yang sepatutnya dibayar berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang betul orang yang dilindungi ; atau
 - b) Jika sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina orang yang dilindungi yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan sumbangan yang telah dibayar, kami akan mengembalikan perbezaannya.
- 8.3 Oleh itu, kami akan mengira nilai akaun peserta dari tarikh permulaan sijil, berdasarkan sebarang perubahan sumbangan, yuran wakalah dan potongan tabarru' berdasarkan jumlah berisiko untuk manfaat kematian dan jumlah berisiko untuk manfaat TPD yang telah diselaraskan. Kami akan mengenakan atau mengkreditkan perbezaan di antara potongan tabarru' baru dengan potongan tabarru' yang telah dibuat sebelumnya ke dana tabarru' peserta mengikut mana-mana yang berkenaan. Kami juga akan menyelaraskan dana kami sejajar dengan sebarang perubahan pada yuran wakalah.
- 8.4 Jika umur orang yang dilindungi yang dinyatakan tidak betul dan dia tidak layak untuk perlindungan takaful, kami akan mengehadkan jumlah manfaat perlu dibayar dari dana

tabarru' peserta kepada potongan tabarru' terkumpul, tolak sebarang lebihan terkumpul dalam dana tabarru' peserta sejak tarikh permulaan.

9. Klausula perihal tidak boleh dipertikaikan

- 9.1 Jika sijil takaful tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik sumbangan yang telah dibayar dari tarikh permulaan sijil, tanpa sebarang faedah.
- 9.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil takaful selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan, kecuali terdapat bukti penipuan.

10. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang dilindungi

- 10.1 Kontrak induk ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak terjejas oleh lokasi tempat tinggalnya.

11. Perubahan kepada kontrak induk

- 11.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami atau kaedah komunikasi alternatif yang lain.
- 11.2 Permintaan orang yang dilindungi untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada kontrak induk ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah kontrak induk.

12. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 12.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil takaful.
- 12.2 Kami boleh menggunakan sebarang amaun yang kami terhutang kepada orang yang dilindungi (sebagai contoh: manfaat) di bawah sijil takaful untuk membayar balik sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami (sebagai contoh: sumbangan) di bawah sijil takaful.
- 13.3 Sekiranya amaun yang perlu dibayar semasa pengagihan lebihan (jika ada), keuntungan pelaburan (jika ada) dan/atau kematangan sijil takaful (jika ada) adalah bersamaan dengan atau kurang daripada RM10 bagi setiap orang yang dilindungi pada setiap tahun kewangan, ia akan dikreditkan ke akaun bank terkini orang yang dilindungi mengikut maklumat dalam rekod kami. Sekiranya butiran akaun bank orang yang dilindungi tidak diberikan kepada kami, amaun tersebut akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

13. Penyerahan sijil

- 13.1 Selepas penamatan kemudahan pembiayaan sewaktu sijil takaful masih berkuatkuasa, orang yang dilindungi boleh meneruskan perlindungan takaful sehingga tamat tempoh perlindungan takaful seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful. Walau apa pun jua yang bertentangan, orang yang dilindungi boleh memilih untuk menyerahkan sijil takaful untuk nilai tunai, jika ada,

sebagaimana yang ditentukan oleh kami, dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk, tertakluk kepada persetujuan pemegang kontrak induk. Semua manfaat dan hak di bawah sijil takaful akan tamat. Nilai tunai yang kami akan bayar kepada orang yang dilindungi semasa penyerahan sijil takaful mungkin akan berkurangan daripada jumlah sebenar sumbangan yang telah dibayar.

- 13.2 Klausula 7 akan dikuatkuasa jika orang yang dilindungi membatalkan sijil takaful ini dalam tempoh semakan percuma.

14. Penamatan

- 14.1 Anda atau kami boleh menamatkan kontrak induk ini dengan memberi 90 hari notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan berterusan sehingga akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful orang yang dilindungi masing-masing.

- 14.2 Sijil takaful akan ditamatkan dalam mana-mana keadaan berikut yang terawal:

- a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian dan TPD seperti yang kami nyatakan dalam peruntukan-peruntukan manfaat di dalam Lampiran MRTT006 dan Lampiran MRTT007 kontrak induk ini;
- b) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
- c) Setelah sijil diserahkan;
- d) Setelah sijil dibatalkan; atau
- e) Setelah penamatan kemudahan pembiayaan atau orang yang dilindungi bukan lagi pelanggan kepada pemegang kontrak induk sebelum tempoh akhir sijil takaful di bawah apa-apa sebab.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya keadaan e) berlaku, hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan dalam sijil takaful dengan notis bertulis kepada kami.

15. Undang-undang

- 15.1 Kontrak induk ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 15.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 15.3 Kontrak induk ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

16. Tindakan undang-undang

- 16.1 Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti akan dibawa untuk menuntut apa-apa manfaat di bawah kontrak induk ini sebelum penamatan tempoh 2 tahun dari tarikh berlakunya keadaan yang menyebabkan tuntutan.

17. Cukai

- 17.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

18. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

- 18.1 Sekiranya orang yang dilindungi mempunyai indicia Amerika Syarikat dan bersetuju memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA). Permintaan ini termasuk sebarang laporan kepada *U.S Internal Revenue Service* (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi atau waris yang berkaitan dengan sijil takaful. Sekiranya orang yang dilindungi gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan seperti yang dinyatakan di atas, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mematuhi FATCA, yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil takaful orang yang dilindungi, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil takaful dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa faedah sekiranya penamatan tersebut berlaku.
- 18.2 Untuk tujuan kontrak induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh *U.S Internal Revenue Service (IRS)* melalui laman web mereka di www.irs.gov, atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.

19. Penyerahan hak (pemindahan hak undang-undang)

- 19.1 Dari sisi undang-undang kami tidak akan menerima pemindahan kontrak induk ini kecuali pemindahan itu berdaftar dengan kami.
- 19.2 Kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mengenai kesahihan pemindahan jika anda membuat keputusan untuk memindah kontrak induk.

20. Nilai tunai

- 20.1 Sijil takaful akan memperoleh nilai tunai bersamaan dengan nilai akaun peserta tolak sebarang caj penyerahan semasa penyerahan sijil atas penyelesaian awal kemudahan.

21. Hak milik

- 21.1 Anda adalah pemegang sah kontrak induk ini.
- 21.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak induk ini (bergantung kepada hak sebarang penama).

22. Penama

- 22.1 Orang yang dilindungi yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan seseorang untuk menerima wang yang perlu dibayar apabila dia meninggal dunia di bawah sijil takaful sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat. Penamaan boleh dibuat semasa permohonan sijil takaful atau pada bila-bila masa selepas sijil takaful telah dikeluarkan.
- 22.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan yang orang yang dilindungi buat pada masa hadapan, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Orang yang dilindungi boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis mestilah kami terima dan daftarkan semasa hayat orang yang dilindungi. Pembatalan dan pertukaran penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis itu.

23. Pengembalian semula kontrak

- 23.1 Pengembalian semula kontrak adalah tidak terpakai untuk kontrak induk ini.

24. Notis tuntutan

- 24.1 Penuntut mesti memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

25. Bukti tuntutan

- 25.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami, atas perbelanjaan pihak penuntut.
- 25.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.
- 25.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkecuali dari segi undang-undang dan yang kami lantikkan, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

26. Bayaran manfaat

- 26.1 Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang dilindungi, kami akan membayar anda amaun kemudahan pembiayaan tertunggak sebenar atau jumlah yang dilindungi yang berkurangan yang ditanggung oleh orang yang dilindungi, yang mana lebih rendah.
- 26.2 Sijil takaful akan ditamatkan semasa pembayaran di atas.
- 26.3 Jika amaun pembiayaan tertunggak sebenar adalah kurang daripada amaun perlindungan takaful, baki apa-apa manfaat yang perlu dibayar akan dibayar kepada orang yang dilindungi, jika masih hidup; atau sebaliknya kepada penama yang dinamakan oleh orang yang dilindungi.

26.4 Sekiranya tiada penama, manfaat-manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak penuntut yang sah.

27. Duti setem

27.1 Duti setem dikenakan ditunjukkan di dalam lampiran MRTT009 kontrak induk ini.

LAMPIRAN MRTT004

Peruntukan dana

1. Akaun peserta

- 1.1 Kami akan memasukkan sumbangan, tolak yuran wakalah, untuk setiap orang yang dilindungi ke dalam akaun peserta.
- 1.2 Kami akan meletakkan potongan tabarru' bulanan untuk setiap orang yang dilindungi dari akaun peserta ke dalam dana tabarru' peserta.
- 1.3 Kami akan menguruskan aset akaun peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Syariah. Kami akan melabur aset dalam sekuriti dan aset yang patuh Syariah.
- 1.4 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset akaun peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan akaun tersebut.
- 1.5 Kami akan berkongsi keuntungan pelaburan dana ini seperti yang dinyatakan dalam Lampiran MRTT009 kontrak induk ini. Keuntungan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan tidak terjamin.

2. Dana tabarru' peserta

- 2.1 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Syariah. Kami akan melabur aset dalam sekuriti dan aset yang patuh Syariah.
- 2.2 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.
- 2.3 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengaturkan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard ini akan dibayar balik apabila terdapat keuntungan di dalam dana tabarru' peserta.
- 2.4 Kami akan berkongsi sebarang lebihan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran MRTT009 kontrak induk ini.

LAMPIRAN MRTT005

Sumbangan dan caj

1. Sumbangan

- 1.1 Sumbangan tunggal akan dibayar untuk perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi.
- 1.2 Kadar sumbangan yang dinyatakan adalah tidak terjamin dan kami berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan dengan memberi anda sekurang-kurangnya 90 hari notis bertulis sebelum penyemakan semula sumbangan. Penyemakan semula sumbangan akan berkuatkuasa bagi sijil takaful baru yang dikeluarkan selepas tamat tempoh notis.

2. Yuran wakalah

- 2.1 Kami akan mengambil yuran wakalah daripada sumbangan. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran MRTT009 kontrak induk ini.
- 2.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

3. Tabarru'

- 3.1 Kami akan mengambil tabarru' yang ditolak secara bulanan daripada akaun peserta dan memindahkan amaun ini ke dalam dana tabarru' peserta.
- 3.2 Kadar untuk potongan tabarru' ini bergantung kepada:
 - a) umur pada hari lahir terakhir (pada ulangtahun bulanan) orang yang dilindungi;
 - b) risiko pekerjaan;
 - c) risiko kesihatan;
 - d) jantina mereka; dan
 - e) kategori pengunderaitan.
- 3.3 Kami berhak untuk menyemak semula kadar tabarru' pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

4. Caj untuk meyerahkan sijil takaful

- 4.1 Semasa penyerahan sijil takaful, caj penyerahan seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran MRTT009 kontrak induk ini akan dikenakan.
- 4.2 Caj ini boleh diubah pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.

LAMPIRAN MRTT006

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am dan sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang berikut:
 - a) Jumlah berisiko untuk manfaat kematian pada tarikh kematian, daripada dana tabarru' peserta; dan
 - b) Nilai akaun peserta pada tarikh kematian.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda berhutang kepada kami.
- 1.3 Sijil akan ditamatkan apabila berlaku kematian orang yang dilindungi atau pembayaran di atas.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Kami hanya akan membayar nilai tunai pada tarikh kematian, dan sijil akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:
 - a) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan bunuh diri (semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh permulaan sijil; atau
 - b) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh permulaan sijil.

3. Penamatan manfaat

- 3.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan terawal yang berikut:
 - a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
 - b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, sijil takaful ini tidak akan ditamatkan dan perlindungan takaful bagi manfaat kematian akan diteruskan;
 - c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - d) Setelah sijil takaful diserahkan;
 - e) Setelah sijil takaful dibatalkan; atau
 - f) Setelah penamatan kemudahan pembiayaan atau orang yang dilindungi bukan lagi pelanggan kepada pemegang kontrak induk sebelum tempoh akhir sijil takaful di bawah apa-apa sebab.Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku klausa 3.1(f) di atas, hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan pada sijil takaful dengan notis bertulis kepada kami.

LAMPIRAN MRTT007

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 1.1 Manfaat ini hanya akan berkuatkuasa jika orang yang dilindungi mengalami TPD sebagaimana ditakrifkan dalam Lampiran MRTT002, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulangtahun bulanan sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi, kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar jumlah yang berikut:
 - a) Jumlah berisiko untuk manfaat TPD pada tarikh TPD bermula, daripada dana tabarru' peserta; dan
 - b) Nilai akaun peserta pada tarikh TPD bermula.
- 1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang anda terutang kepada kami.
- 1.4 Jika jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, manfaat TPD yang dibayar akan terhad kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat TPD.
- 1.5 Jumlah agregat maksimum manfaat TPD yang dibayar ke atas setiap orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.6 Jika jumlah manfaat TPD yang dibayar adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful atas manfaat kematian akan diteruskan. Jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah yang mana manfaat TPD yang dibayar kepada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian pada tarikh TPD bermula. Ini akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.
- 1.7 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar apabila kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Sijil ini seterusnya akan ditamatkan.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Kami tidak akan membayar manfaat sekiranya TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, atau akibat daripada yang berikut:
 - a) Mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak);
 - b) Kejadian yang berlaku semasa berada di bawah pengaruh minuman keras, bahan yang memabukkan atau sebarang narkotik atau dadah;

- c) Percubaan membunuh diri (semasa waras atau tidak waras), perbuatan tidak bermoral atau kecederaan sengaja ke atas diri sendiri (semasa waras atau tidak waras);
- d) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- e) Terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli mana-mana organisasi haram;
- f) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/keadaan yang berkaitan; atau
- g) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

3. Notis tuntutan

3.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis:

- a) di ibu pejabat kami;
- b) semasa hayat orang yang dilindungi;
- c) semasa ketidakupayaan orang yang dilindungi; dan
- d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan ketidakupayaan.

4. Bukti ketidakupayaan

- 4.1 Anda mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini. Anda mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.
- 4.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 4.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kami boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.
- 4.4 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang dilindungi diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang dilindungi jika ini diperlukan.

5. Penamatan perlindungan

5.1 Manfaat ini akan ditamatkan dalam keadaan terawal yang berikut:

- a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi yang berkurangan bagi manfaat kematian. Sekiranya manfaat TPD yang perlu dibayar kurang daripada jumlah yang dilindungi yang berkurangan untuk manfaat kematian, sijil tidak akan tamat tetapi perlindungan kematian akan diteruskan;

- b) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
- c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
- d) Setelah sijil diserahkan;
- e) Setelah sijil dibatalkan;
- f) Pada ulangtahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi; atau
- g) Setelah penamatan kemudahan pembiayaan atau orang yang dilindungi bukan lagi pelanggan kepada pemegang kontrak induk sebelum tempoh akhir sijil takaful di bawah apa-apa sebab.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya berlaku keadaan g), hanya orang yang dilindungi mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan pada sijil takaful dengan notis bertulis kepada kami.

LAMPIRAN MRTT008

Peruntukan manfaat – Manfaat terakhir

1. Manfaat terakhir

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, jika orang yang dilindungi masih hidup sehingga akhir tempoh sijil yang tertera di dalam sijil takaful, kami akan membayar nilai akaun peserta, jika ada.
- 1.2 Sekiranya amaun adalah sama dengan atau kurang daripada RM10, maka ia tertakluk kepada klausa 12 di bawah lampiran MRTT003.
- 1.3 Apabila sijil tamat, kami tidak akan mempunyai tanggungjawab undang-undang di bawah kontrak.

LAMPIRAN MRTT009

Lampiran – Jadual yuran wakalah, caj dan perkongsian sebarang lebihan

1. Yuran wakalah

- 1.1 Sila rujuk kepada takaful sijil.

2. Caj untuk menyerahkan sijil

- 2.1 Caj sebanyak RM50 atau nilai akaun peserta, yang mana lebih kurang.

3. Duti setem

- 3.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

4. Perkongsian lebihan daripada dana tabarru' peserta

- 4.1 Kami akan berkongsi sebarang lebihan tahunan dana tabarru' peserta yang kami isytiharkan seperti berikut:

Semua orang yang dilindungi yang layak	-	50% daripada lebihan
Kami	-	50% daripada lebihan

- 4.2 Orang yang dilindungi layak untuk pengagihan lebihan, jika ada, dengan syarat sijil takaful tidak luput dan tidak diserahkan sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya orang yang dilindungi layak untuk pengagihan lebihan tetapi sijil takaful ditamatkan di bawah klausa 14 dalam lampiran MRTT003 pada tarikh pengagihan lebihan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 12 di bawah lampiran MRTT003.

5. Perkongsian keuntungan pelaburan daripada akaun peserta

5.1 Kami akan berkongsi sebarang keuntungan pelaburan akaun peserta seperti berikut:

Orang yang dilindungi (dibayar ke akaun peserta) - 90% daripada keuntungan pelaburan

Kami - 10% daripada keuntungan pelaburan

5.2 Orang yang dilindungi layak untuk pengagihan keuntungan pelaburan, jika ada, dengan syarat sijil takaful tidak luput dan tidak diserahkan sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya orang yang dilindungi layak untuk pengagihan keuntungan pelaburan tetapi sijil takaful ditamatkan di bawah klausa 14 dalam lampiran MRTT003 pada tarikh pengagihan keuntungan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 12 di bawah lampiran MRTT003.

LAMPIRAN MRTT010

Lampiran – Formula bagi jumlah yang dilindungi yang berkurangan

1. Formula bagi jumlah yang dilindungi yang berkurangan

Jumlah yang dilindungi yang berkurangan (RSC) ini dikira berdasarkan formula yang berikut:

$$RSC_t = ISC \quad \text{untuk } t = 0, 1, 2, \dots, 12 \times dp$$

$$RSC_t = \frac{1 - v^{(12 \times n) - (t-1)}}{1 - v^{(12 \times pp)}} \times ISC \quad \text{untuk } p > 0; \text{ dan}$$

$$\text{untuk } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

$$RSC_t = \frac{(12 \times n) - t}{12 \times pp} \times ISC \quad \text{untuk } p = 0; \text{ dan}$$

$$\text{untuk } t = (12 \times dp) + 1, (12 \times dp) + 2, \dots, 12 \times n$$

Yang mana,

ISC = jumlah permulaan yang dilindungi

$$v = \frac{1}{1 + \frac{p}{12}}$$

p = kadar keuntungan

dp = tempoh penangguhan

pp = tempoh pembayaran

n = $dp + pp$

t = tempoh dalam bulan – dikira dari tarikh permulaan sijil